

31 DEC 2003

Sabah-Perutusan/I

RENUNGI KESILAPAN DAN IKRAR TIDAK DIULANGI, PESAN KM SABAH SEMPERA THN BARU

KOTA KINABALU, 31 Dis (Bernama) -- Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman meminta supaya rakyat Sabah merenung kembali kesilapan-kesilapan lalu dan berikrar supaya tidak diulangi pada tahun akan datang.

"Kita harus bersama-sama melihat sumber dan ruang bagi kita untuk mewujudkan masa depan yang lebih baik dalam bidang ekonomi, sosial dan politik," katanya dalam satu perutusan khas sempena sambutan tahun baru di sini hari ini.

"Cabaran yang menanti kita adalah banyak, tapi saya menaruh penuh kepercayaan dan keyakinan terhadap keupayaan rakyat untuk bangun menghadapi cabaran-cabaran ini. Kita boleh jayakannya jika kita benar-benar bersatu dan menyokong antara satu sama lain," katanya.

Beliau berkata rakyat Sabah keseluruhannya pasti mengharap hari-hari yang akan datang, bakal membawa lebih banyak kecemerlangan.

"Kita boleh tingkatkan pertumbuhan melalui kepelbagaian, termasuk meneroka bidang baru dalam pertumbuhan seperti pelancongan dan industri berasaskan kepada pembangunan dalam bioteknologi menggunakan sumber biokepelbagaian," katanya.

Sudah banyak yang dicapai Sabah sejak penubuhan Malaysia, kata Musa.

"Pada masa ini, kita menikmati rangkaian jalan raya yang banyak yang menghubungkan hingga ke kawasan pedalaman. Kita miliki lapangan terbang moden dan perkhidmatan telekomunikasi, manakala kemudahan yang disediakan khusus untuk orang ramai juga semakin bertambah baik," katanya.

"Kemajuan pesat ini kita kecapai dengan pantas, sehinggakan ramai kalangan generasi muda tidak sedar bagaimana rasanya untuk hidup tanpa televisyen, komputer dan telefon bimbit," katanya.

Sementara itu Presiden Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO), Tan Sri Bernard Dompok dalam perutusan tahun barunya berkata tahun sebelumnya merupakan tahun yang penuh dengan pelbagai peristiwa bagi Malaysia.

"Banyak peristiwa berlaku di Malaysia... Kita saksikan perubahan kepimpinan negara berjalan dengan lancar, pengunduran Tun Dr Mahathir Mohamad telah memberi laluan kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk menerajui negara. Malaysia pastinya telah banyak beroleh kejayaan cemerlang dibawah kepimpinan Tun Dr Mahathir.

"Kita sudah dengar dari Perdana Menteri yang baru bahawa beliau berhasrat untuk mempertahankan legasi Tun Dr Mahathir. Kita juga sudah dengar bagaimana beliau berhasrat untuk mengukuhkan institusi kerajaan dalam usaha untuk membolehkan Malaysia mencapai lebih banyak kejayaan," katanya.

"Saya dengan ini menyertai sokongan padu terhadap inisiatif Perdana Menteri yang baru untuk mewujudkan bangsa Malaysia yang bersatu dan progresif," kata Dompok yang merupakan Menteri Di jabatan Perdana Menteri.

-- BERNAMA

JS AZH